

Anwar saman Muhyiddin dakwaan dibayar RM15j

BH - 21/12/2022 mlh: 6

17
Pengerusi PN
dituduh fitnah
berkenaan isu
gaji penasihat
ekonomi Selangor

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengemukakan saman terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung kenyataan yang didakwa memfitnah Perdana Menteri Ke-10 itu menerima bayaran RM15 juta sebagai penasihat ekonomi Selangor.

Kenyataan itu didakwa Anwar, dibuat Pengerusi Perikatan Nasional (PN) berkenaan dalam satu ucapan ketika ceramah 'Grand Finale PN Padang Serai' di Taman Selasih, Kulim, Kedah pada 5 Disember lalu bagi menyokong calon PN, Datuk Azman Nasrudin.

Perdana Menteri yang mem-

failkan saman itu atas kapasiti peribadi, berkata ucapan dan bahagian petikan yang menyengug perasaannya itu diterbitkan semula di aplikasi TikTok melalui akaun di bawah nama @beritakini8.

Katanya, ia mendapat tontonan melebihi 1,100,000 kali, 6,061 komen, melebihi 21,400 butang 'like', melebihi 1,360 butang *favourite* dan 2,169 kali perkongsian.

Notis tuntutan

Pada 8 Disember lalu, sehari selepas menghantar notis tuntutan melalui firma guaman, Tetuan SN Nair & Partners, Anwar berkata, Muhyiddin menyebabkan pernyataan fitnah berkenaan diterbitkan semula di akaun Facebooknya di bawah nama 'Muhyiddin Yassin'.

Katanya, penerbitan semula itu mendapat tontonan melebihi 42,000, 506 komen, melebihi 2,800 reaksi dan 48 perkongsian.

"Kenyataan fitnah itu antaranya membawa maksud saya seorang yang tidak boleh dipercayai, tidak jujur mengenai penerimaan jutaan ringgit daripada kerajaan negeri Selangor sebagai penasihat ekonomi dan menipu

orang ramai dengan menyatakan saya menerima RM1 sebagai gaji.

"Kenyataan fitnah ini dirancang terlebih dulu bertujuan memperlekehkan, memfitnah reputasi dan perwatakan saya secara serius, selain memburukkan nama baik dan karakter saya yang juga penyokong teguh keadilatan undang-undang serta reformasi sosial.

"Muhyiddin keberatan untuk memohon maaf dan menarik balik (kenyataan) yang sama, tetapi terus menerbitkan perkataan fitnah itu dengan sengaja dan tidak memadamkannya sehingga kini," katanya.

Sehubungan itu, Anwar menuntut daripada Muhyiddin, antaranya ganti rugi am, ganti rugi teruk, ganti rugi pampasan dan ganti rugi teladan dan perintah injunksi untuk menghalang bekas Perdana Menteri itu daripada terus mengeluarkan kenyataan fitnah serupa.

Terdahulu pada 13 Disember, Ahli Parlimen Tambun itu memfailkan saman terhadap Pengerusi PN Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berhubung ucapan pilihan raya pada

kempen ceramah Menteri Besar Kedah itu pada 13 November lalu yang didakwa berunsurkan fitnah.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) selaku plainatif memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah itu pada Selasa melalui firma guamannya, SN Nair & Partners dengan menamakan Muhammad Sanusi sebagai defendan tunggal.

Saman berkenaan LGBT

Sebelum itu pada 5 Disember, Pengerusi PH berkenaan mengemukakan saman fitnah terhadap Pesuruhjaya PAS Perak, Razman Zakaria berhubung ucapan mengaitkannya dengan dakwaan membawa agenda lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini dan menyokong agenda komunis.

Anwar yang memfailkan saman itu atas kapasiti peribadi, menuntut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gunong Semangol berkenaan membayar ganti rugi am, teruk dan teladan serta injunksi menghalang daripada terus mengeluarkan kenyataan fitnah sama.